



JABATAN PERDANA MENTERI



STRATEGI
PEMBANTERASAN
RASUAH
NASIONAL
2024 - 2028

ISBN No.: 978-967-16651-2-1

Diterbitkan oleh:



JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502, Putrajaya

© JPM 2024

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang pengedaran semula atau pengeluaran semula mana-mana bahagian atau semua bahagian kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang.

Sebarang eksploitasi kandungan untuk tujuan komersial, dengan atau tanpa kebenaran bertulis, tidak dibenarkan sama sekali.

Amanat Kepimpinan Perdana Menteri

Masa depan negara bergantung pada sejauh mana kita berjaya membanteras rasuah. Seperti barah, rasuah merebak secara senyap dan bahaya, sehingga menggadai masa depan bersama rakyat Malaysia semata-mata untuk memenuhi nafsu serakah mereka yang segelintir. Jika dibiarkan berterusan, rasuah akan menghakis keyakinan rakyat terhadap Kerajaan, memburukkan lagi ketidakadilan sosial, serta mengehadkan peluang ekonomi untuk semua.

Dalam perjuangan menentang rasuah ini, konsep MADANI menjadi panduan utama kita. Berlandas pada nilai-nilai kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat-menghormati, keyakinan, dan ihsan, MADANI menyediakan rangka kerja beretika yang akan memandu proses membuat keputusan yang berpaksi pada ketelusan dan kebertanggungjawaban Kerajaan serta menghindari pembaziran dan ketirisan.

Atas semangat inilah Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) digubal. NACS menggambarkan keyakinan dan komitmen bersama Kerajaan ke arah menghapuskan segala bentuk rasuah melalui strategi terperinci yang telah mengambil kira input dan maklum balas yang komprehensif daripada semua pihak berkepentingan.

Sasaran yang jelas telah ditetapkan – untuk Malaysia berada dalam kalangan 25 negara teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International dalam tempoh 10 tahun akan datang. Justeru, rasuah yang berakar umbi, individu yang terlibat, dan kepentingan peribadi harus dibanteras bagi menjayakan usaha nasional ini.

Persekitaran sifar toleransi dan tiada kompromi terhadap rasuah mesti diwujudkan. Keadilan bukan sahaja wajib ditegakkan tetapi mesti juga dilihat dilaksanakan dalam melawan rasuah.

Pemimpin dalam sektor awam dan swasta harus terlebih dahulu menunjukkan teladan yang baik sebelum meraih keyakinan yang diperlukan untuk menggerakkan seluruh masyarakat bersama-sama menghapuskan rasuah di semua peringkat. Kerajaan bertanggungjawab kepada rakyat, dan rakyat pula sedang memerhati dengan tekun. Pada bahu Kerajaanlah terpicul tanggungjawab untuk membuktikan bahawa strategi ini bukanlah retorik semata-mata.

Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia



Pernyataan Komitmen

Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional (NACS) merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang pertama kali digubal pada tahun 2019 sebagai pelan yang komprehensif untuk menggembeng segala usaha menangani pelbagai isu berkaitan tatakelola, integriti, dan pencegahan rasuah.

NACP diakui sebagai antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan Malaysia meningkatkan reputasi negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI). Dalam kalangan 180 buah negara, Malaysia melonjak ke tangga ke-51 pada tahun 2019 berbanding tangga ke-61 pada tahun 2018. Ini adalah prestasi Malaysia yang terbaik sepanjang tempoh lebih 20 tahun penarafan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) untuk Malaysia.

NACP yang berakhir pada tahun 2023 telah berjaya melaksanakan 85 daripada keseluruhan 111 inisiatif, bersamaan dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 77%.

Pembangunan NACS pada kali ini memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat melalui agenda Malaysia MADANI. Matlamat NACS hanya akan dapat dicapai melalui kerjasama berterusan semua pihak termasuk ahli politik, sektor awam, sektor swasta, dan pertubuhan bukan Kerajaan. Manfaatnya bukan sahaja akan dinikmati di peringkat nasional tetapi juga di peringkat antarabangsa, dengan tujuan supaya usaha tatakelola yang baik, berintegriti, dan pencegahan rasuah benar-benar dapat dirasai oleh rakyat.



Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara



Azam bin Baki
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Singkatan

ABMS	Sistem Pengurusan Antirasuah	KESUMA	Kementerian Sumber Manusia	UNCAC	Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah
AGC	Jabatan Peguam Negara	KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	UNODC	Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	KPK	Kementerian Perladangan dan Komoditi	USD	Dolar Amerika Syarikat
BPA	Biro Pengaduan Awam	KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
BPGN	Bahagian Perancangan Governans Nasional	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia	WGI	Petunjuk Governans Sedunia
CLBG	Syarikat Berhad Menurut Jaminan	KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi		
CPI	Indeks Persepsi Rasuah	KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat		
CSO	Organisasi Masyarakat Sipil	M&E	Pemantauan dan Penilaian		
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia	MOF	Kementerian Kewangan		
ETP	Program Transformasi Ekonomi	MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya		
ESG	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	MS ISO	Malaysian Standard International Organization for Standardization		
GFI	Global Financial Integrity	NACP	Pelan Antirasuah Nasional (2019-2023)		
GRI	Inisiatif Pelaporan Global	NACS	Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (2024-2028)		
GTP	Program Transformasi Kerajaan	PIN	Pelan Integriti Nasional		
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	RM	Ringgit Malaysia		
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	SC	Suruhanjaya Sekuriti		
JKKTN	Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional	SDG	Matlamat Pembangunan Mampan		
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam	SOE	Perusahaan Milik Kerajaan		
JPM	Jabatan Perdana Menteri	SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya		
JTK	Jawatankuasa Tatakelola Nasional	SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia		
KBS	Kementerian Belia dan Sukan	SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
KDN	Kementerian Dalam Negeri	TI	Transparency International		
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar	TI-M	Transparency International Malaysia		
KK	Kementerian Komunikasi	TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional		
KKR	Kementerian Kerja Raya	UN	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu		
KLN	Kementerian Luar Negeri				
KEMANTAH	Kementerian Pertahanan				

Ringkasan Eksekutif

Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional (NACS) adalah komponen penting agenda reformasi Malaysia yang menggariskan strategi-strategi teras secara menyeluruh dalam usaha-usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Ianya adalah kesinambungan dan penambahbaikan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dimulakan pada tahun 2019. NACS menyediakan rangka kerja dan menunjukkan arah yang jelas untuk membanteras rasuah di setiap peringkat. Pada masa sama, ia menetapkan matlamat mahu mengukuhkan integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban semua pihak di seluruh negara.

Lnti daripada wawasan yang menyeluruh ini adalah cita-cita untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas rasuah, menempatkan Malaysia sejajar dengan negara-negara maju dari segi ketahanan ekonomi, kedaulatan negara, dan kebajikan masyarakat. Strategi ini disusun untuk menangani kesan buruk rasuah di Malaysia, dengan matlamat utama mendorong keadilan dan ketelusan di semua peringkat pentadbiran. Melalui usaha ini, ia berhasrat memacu negara menuju lebih makmur dan meningkatkan taraf hidup yang lebih baik bagi semua warga Malaysia.

NACS menggariskan strategi penting yang tertumpu pada peningkatan integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban merentas pelbagai sektor di Malaysia, termasuk ahli politik, pentadbiran awam, perolehan Kerajaan, penguatkuasaan undang-undang, institusi perundangan dan kehakiman, sektor swasta, serta orang ramai. Ia menggabungkan lima strategi dan 60 substrategi untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun.

Keberhasilan reformasi antirasuah bergantung pada komitmen tegas semua pemegang taruh. Untuk memastikan NACS ini berjaya dan berkesan, setiap agensi peneraju yang dipertanggungjawabkan harus memantau kemajuan dan melaporkannya kepada Mesyuarat Penilaian Prestasi Strategi.

Rasuah adalah hambatan utama kepada kemajuan ekonomi dan sosial Malaysia, yang menghalang perkembangan dan mengikis keyakinan masyarakat kepada institusi Kerajaan. Walaupun Malaysia mempunyai kerangka perundangan, struktur pentadbiran, dan sistem berparlimen yang kukuh, kes-kes rasuah masih terjadi, akibat sikap tamak, serakah, dan kepentingan peribadi.


Usaha menangani punca rasuah memerlukan pendekatan pelbagai aspek, termasuk reformasi menyeluruh untuk mengukuhkan mekanisme semak danimbang sedia ada. Bagi tujuan ini, budaya integriti, ketelusan, dan akauntabiliti perlu dipupuk di semua peringkat masyarakat.

Di bawah kepimpinan Perdana Menteri Anwar bin Ibrahim, Kerajaan mengutamakan usaha memerangi rasuah sebagai agenda nasional yang penting. Bagaimanapun, kejayaan usaha ini bergantung pada komitmen serta kerjasama kolektif semua pihak, daripada rakyat hingga pegawai Kerajaan dan sampailah kepada ahli politik.

Untuk memupuk sebuah masyarakat yang bertekad menentang rasuah, rakyat mesti secara aktif mendukung usaha-usaha antirasuah serta menuntut pemimpin supaya bertanggungjawab atas tindakan mereka.


Kandungan

	Amanat Kepimpinan Perdana Menteri	i
	Pernyataan Komitmen (Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pesuruhjaya SPRM)	ii
	Singkatan	iii
	Ringkasan Eksekutif	iv
Bab 1	Pengenalan	1
	Latar Belakang	3
	Sorotan Utama NACP	7
	Metodologi dan Penilaian Risiko NACS	9
	Libat Urus Pemegang Taruh	10
Bab 2	Status Rasuah di Malaysia	11
	Analisis Rasuah di Malaysia	13
	Kerugian Akibat Rasuah	18
Bab 3	Malaysia Melangkah ke Hadapan: NACS 2024-2028	23
	Prinsip Umum dan Keutamaan Strategik untuk Malaysia	26
	Prinsip Tatakelola Baik	27
	Sasaran	30
Bab 4	Strategi Utama	33
	Strategi Pembanteraan Rasuah Nasional 2024-2028	35
Bab 5	Pelaksanaan NACS	43
Bab 6	Kesimpulan	53
	Penghargaan	58
Lampiran	Lampiran 1	59



Bab 1

Pengenalan



*"Saya ingin menyeru semua penjawat awam
memberikan khidmat sebaik mungkin. Saya yakin
Malaysia diangkat kalau kita gunakan dasar yang
betul dan bersihkan daripada amalan bobrok."*

*Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri Malaysia
1 Februari 2024
Program Penggerak MADANI Negeri Sembilan*

Latar Belakang

Seiring dengan kemajuan Malaysia mencapai wawasannya untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, pembanteras rasuah menjadi keutamaan ulung dalam agenda nasional. Komitmen ini ditegaskan melalui beberapa kerangka utama pembangunan negara, termasuk Pelan Integriti Nasional (NIP) yang dilancarkan pada April 2004. Pelan itu bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika sejajar dengan cita-cita yang digariskan dalam Wawasan 2020, Program Transformasi Ekonomi (ETP), dan Program Transformasi Kerajaan (GTP).


Memandangkan perjuangan Malaysia membanteras rasuah adalah satu ikhtiar jangka panjang, usaha berterusan sangat penting bagi mencapai kesan yang berkekalan serta memupuk budaya integriti dan ketelusan dalam kalangan seluruh masyarakat. Melalui usaha berterusan dan langkah proaktif, Malaysia berhasrat mengangkat kedudukannya di persada dunia dan merintis jalan menuju sebuah masa depan yang makmur dan bebas rasuah.

Malangnya, meskipun sudah banyak usaha dan tindakan yang dilakukan setakat ini, amalan rasuah masih berleluasa, lebih hebat daripada sebelumnya. Cabaran rasuah yang berakar umbi ini bukan sahaja menghalang keberkesanan usaha-usaha pencegahan rasuah tetapi turut mengikis keyakinan masyarakat kepada komitmen Kerajaan untuk memeranginya.

Pada tahun 2018, lebih kurang satu pertiga daripada rakyat Malaysia (33%) menganggap rasuah sebagai isu penting negara. Persepsi ini menekankan wujudnya cabaran besar serta adanya keperluan mendesak untuk meningkatkan usaha menangani rasuah secara menyeluruh dan memulihkan keyakinan masyarakat terhadap institusi Kerajaan.


Pada 2023, dapatan daripada satu kaji selidik komprehensif di seluruh negara mendedahkan 41% daripada responden sangat setuju bahawa rasuah di Malaysia masih sangat membimbangkan sementara 1 daripada 4 rakyat Malaysia setuju bahawa rasuah sudah bertambah buruk dalam tempoh setahun. Keseluruhannya, lebih mengejutkan, lebih dua pertiga (67%) daripada rakyat Malaysia percaya bahawa rasuah sudah meningkat berbanding tahun sebelumnya.

Persepsi Rasuah di Malaysia (Skala 1-10), 2018 (%)



Sumber: World Values Survey, 2018. Wave 7: 2017-2022.


Isu rasuah meningkat dalam tempoh setahun (12 bulan) yang lalu (%)



Sumber: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). 2024. Pembangunan Strategi Pambanterasan Rasuah Nasional (NACS): Pandangan dan Pengalaman Terhadap Isu Berkaitan Rasuah, Integriti dan Tatakelola di Malaysia: Kaji selidik Nasional. 2023

Selain itu, masih ada perasaan curiga yang ketara dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai penglibatan pelbagai pihak dalam kegiatan rasuah. Lebih daripada separuh warga Malaysia percaya bahawa sektor awam, sektor swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) terlibat dalam amalan rasuah. Persepsi umum ini menekankan kebimbangan yang meluas mengenai rasuah di pelbagai sektor masyarakat. Ia juga menekankan keperluan mendesak untuk langkah pencegahan rasuah yang teguh bagi menangani cabaran-cabaran ini dengan berkesan.

Sektor yang Dianggap Mempunyai Isu Rasuah yang Tinggi (%)*




Sumber: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). 2024. Pembangunan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS): Pandangan dan Pengalaman Terhadap Isu Berkaitan Rasuah, Integriti dan Tatakelola di Malaysia: Kaji selidik Nasional. 2023.

*Jawapan boleh lebih daripada satu.

Persepsi rasuah di Malaysia telah menunjukkan satu trend yang membimbangkan sepanjang tempoh Pelan Antirasuah Nasional (NACP) antara tahun 2019 hingga 2023. Menurut Indeks Persepsi Rasuah (CPI), skor Malaysia menurun dari 53 daripada 100 pada 2019 kepada 50 daripada 100 pada 2023. Pada masa sama, kedudukan global Malaysia merosot dari 51 daripada 180 negara kepada 57 pada tempoh yang sama, iaitu meleset daripada sasaran Kerajaan untuk mencapai kedudukan 30 menjelang 2025 dan 25 menjelang 2030.

Kedudukan (Skor) CPI Malaysia, 2019-2023



Sumber: Transparency International. 2023. Indeks Persepsi Rasuah (CPI); Kementerian Ekonomi. 2023. Kajian Separuh Penggal RMKe-12 2021-2025; Ekonomi MADANI.

Di sebalik semua cabaran ini, ada sedikit peningkatan pada skor dan kedudukan CPI dari 2022 hingga 2023. Meskipun penambahbaikan ini adalah satu perkembangan yang positif, ia menunjukkan perlunya usaha berterusan untuk memerangi rasuah secara berkesan serta memulihkan keyakinan masyarakat kepada institusi Kerajaan.

Strategi baharu ini, sama seperti yang sebelumnya iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP), disusun untuk menzahirkan sasaran yang jelas dan pragmatik bertujuan menangani isu-isu integriti, tatakelola, dan rasuah di Malaysia dalam tempoh lima tahun dari 2024 hingga 2028.


Demi memastikan keberkesanan pelaksanaan tindakan-tindakan ini, satu strategi yang menyeluruh telah digubal bagi menentukan semua kegiatan antirasuah diselaraskan secara kolektif antara jabatan Kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, pertubuhan bukan Kerajaan, kumpulan masyarakat sivil, sektor swasta dan pelbagai pihak yang berkepentingan.

Sorotan Utama NACP

Pelan Antirasuah Nasional (NACP), yang di muktamad pada Disember 2023, mencapai kemajuan yang ketara dengan 85 daripada 111 inisiatif berjaya disempurnakan, dengan tahap pencapaian keseluruhannya pada 77%. Status inisiatif yang tidak dapat dilaksanakan telah dirumuskan secara terperinci di Lampiran 1, pada halaman 66 dokumen NACS ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 17 Bil. 1 Tahun 2023 pada 6 Julai 2023, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, memutuskan untuk menggubal Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS). Langkah strategik ini, yang selari dengan piawai antarabangsa, merupakan kesinambungan usaha NACP untuk memerangi rasuah dengan berkesan.

Inisiatif NACP setakat Disember 2023 (%)



Ada beberapa kekangan yang menyebabkan inisiatif-inisiatif NACP tidak dapat dicapai sepenuhnya. Beberapa inisiatif memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang, dan ia memakan masa serta melibatkan banyak sumber, sehingga menjejaskan pelaksanaannya mengikut jadual. Selain itu, maklum balas daripada pihak berkepentingan yang berkaitan dengan sesuatu inisiatif juga menyebabkan kelewatan kerana ia perlu diterima secara konsensus manakala pelarasan juga perlu dibuat selepas ia dipersetujui.

Akibat pelbagai faktor ini, inisiatif-inisiatif tersebut telah dipertimbangkan ke dalam Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) untuk dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada NACP. Strategi yang diintegrasikan ini memungkinkan satu pendekatan menyeluruh untuk memerangi rasuah, menangani cabaran-cabaran mendatang sekali gus meneruskan pencapaian inisiatif-inisiatif sebelumnya.

Terdapat juga beberapa cabaran berterusan untuk memastikan keberkesanan langkah pencegahan rasuah, seperti yang disorot di bawah.

Cabaran

1. Pengaruh tersembunyi

Keputusan Kerajaan selalu terdedah dan dimanipulasikan oleh campur tangan tokoh berpengaruh yang mempunyai implikasi kepada agenda nasional. Pegawai awam berpangkat tinggi dan ahli politik di dalam Kerajaan dan di institusi utama negara sering dipengaruhi oleh individu yang mempunyai agenda sendiri. Keadaan ini boleh membawa kepada salah tadbir, tindakan yang tidak mengikut prosedur yang adil, kurang justifikasi, dan kadang-kala melanggar undang-undang.

2. Manipulasi media

Saluran media, termasuk platform media sosial, seringkali diguna untuk menyalurkan propaganda, menyebarkan maklumat salah untuk membentuk dan mempengaruhi pandangan umum. Dalam banyak keadaan, media bukan sahaja menyokong tetapi turut mengagung-agungkan individu dan entiti yang korup, sehingga membudayakan perilaku yang tidak beretika sebagai kelaziman dan adakalanya bahkan diraikan.

3. NACS dilihat sebagai usaha simbolik

Agenda antirasuah seringkali dianggap tanda simbolik dan bukannya usaha substantif, lebih berfungsi sebagai satu kenyataan politik dan bukannya strategi yang berkesan dan menyeluruh untuk membanteras rasuah pada peringkat yang sistemik.

4. Merosotnya standard etika dan integriti

Terhakisnya norma etika dan standard integriti dalam institusi dan masyarakat umumnya menimbulkan hambatan yang ketara, mewujudkan ekosistem rasuah yang tidak terkawal, dan mengikis keyakinan serta kepercayaan masyarakat terhadap sistem tatakelola.

5. Iltizam politik

Kurangnya keazaman politik yang kuat dalam kalangan ahli politik dalam melaksanakan strategi antirasuah, atau tindakan dan kenyataan mereka yang bercanggah, menjejaskan keberkesanan usaha membanteras rasuah serta menghakis keyakinan masyarakat terhadap ikhtiar tersebut.



Metodologi dan Pendekatan NACS

Kajian menyeluruh terhadap cabaran rasuah amat penting bagi merangka strategi, dasar, dan program advokasi antirasuah yang berkesan di peringkat nasional. Pembangunan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) melibatkan tiga fasa penting: Diagnosis, Prognosis, dan Preskripsi. Antara fasa-fasa ini, fasa Diagnosis sangat penting kerana ia mengenal pasti risiko rasuah atau isu-isu melalui pemeriksaan simptom yang teliti. Pemeriksaan ini bergantung pada data sebenar, penilaian, pengalaman, tinjauan awam, dan libat urus langsung dengan pihak berkepentingan.

Beberapa pendekatan diambil dalam merumuskan NACS:

<i>Pendekatan</i>	<i>Huraian</i>
Analisis data mengenai isu-isu berkaitan rasuah	<ul style="list-style-type: none"> • Analisis Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dan Laporan Kemajuan dari 2019 hingga 2023. • Analisis ke atas statistik SPRM termasuk kes-kes rasuah mengikut sektor, subsektor, kategori aduan, dan kumpulan pekerjaan. • Pemeriksaan indeks antarabangsa seperti Indeks Persepsi Rasuah (CPI) oleh Transparency International dan World Governance Indicator (WGI) oleh World Bank.
Libat urus pemegang taruh	<ul style="list-style-type: none"> • Pengumpulan dan analisis data aduan daripada pelbagai agensi Kerajaan. • Kaji selidik seluruh negara untuk mengukur persepsi dan sikap masyarakat terhadap rasuah, termasuk maklum balas mengenai tatakelola, integriti, serta langkah-langkah pencegahan rasuah.
Semakan dokumen dan cadangan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan saranan dan pandangan yang diberikan oleh badan antarabangsa seperti Transparency International Malaysia (TI-M), Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC). • Sintesis maklumat yang dikumpul daripada analisis data, libat urus pemegang taruh, dan semakan dokumen untuk merumuskan cadangan strategi pencegahan rasuah.

Isu-isu yang dikenal pasti daripada pelbagai sumber ini dikategorikan mengikut sektor-sektor yang terdedah kepada rasuah. Data itu kemudian diperincikan lagi untuk menentukan kekerapan kejadian serta sejauh mana kesannya terhadap ekonomi, kesejahteraan rakyat, dan jentera Kerajaan dalam tempoh lima tahun (2019-2023).

Libat Urus Pemegang Taruh





Bab 2

Status Rasuah di Malaysia



Analisis Rasuah di Malaysia

Rasuah adalah malapetaka bahaya yang bukan sahaja merosakkan individu tetapi juga menimbulkan ancaman besar kepada reputasi dan kedudukan seluruh negara. Sayangnya, Malaysia sudah menjadi korban kepada kuasa pemusnah ini sehingga mencetuskan rasa kecewa yang melata dalam kalangan rakyat. Kesan buruk rasuah telah mengakibatkan kerugian besar kepada kemakmuran ekonomi dan rakyat Malaysia. Di bawah kepimpinan Perdana Menteri Anwar bin Ibrahim, Malaysia menggerakkan semula usaha bersepadu untuk memulakan reformasi menyeluruh bagi memulihkan integriti dan reputasi negara dengan menghapuskan semua bentuk rasuah dan penyakit tatakelola di Malaysia, berpandukan prinsip integriti, disiplin, dan amalan perniagaan yang beretika.

Dalam konteks ini, Malaysia mengisytiharkan perang ke atas rasuah. Namun, kejayaan usaha ini sangat bergantung pada penetapan landasan serta mekanisme yang kukuh dan ampuh. Kerajaan perlu merombak sistem yang sedia ada agar usaha pembanterasannya rasuah adalah tanggungjawab kolektif semua pihak. Melalui pembaharuan yang strategik dan komitmen yang tidak berbelah bahagi, Malaysia berusaha untuk menjadi satu contoh cemerlang dari segi ketelusan, keadilan, dan tatakelola beretika di pentas global.


Wacana mengenai "rasuah" lazimnya tertumpu pada salah guna kuasa oleh pegawai Kerajaan dan kakitangan awam. Bagaimanapun, rasuah sudah meresap ke segenap sisi masyarakat, berakar umbi dalam tatanan moralnya. Melihat rasuah sebagai sesuatu yang tidak beretika menuntut muhasabah yang menyeluruh, melangkaui tingkah laku ahli politik dan pegawai awam.

Meskipun reformasi berjalan, sistem penyampaian perkhidmatan awam Malaysia masih berhadapan dengan cabaran. Keadaan diburukkan lagi apabila tiadanya ketelusan dan kebertanggungjawaban, serta adanya campur tangan ahli politik dan individu berkepentingan, sehingga menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan hilang percaya rakyat ke atas usaha memerangi rasuah. Hal ini juga mengakibatkan penjawat awam hilang semangat dan merosotnya perilaku beretika.

Selain itu, tatakelola dalam badan berkanun, perusahaan milik Kerajaan (SOE) dan syarikat berhad menurut jaminan (CLBG) di Malaysia dipengaruhi oleh campur tangan politik dan hubungan peribadi. Pelantikan jawatan tertinggi ataupun perolehan dan kontrak sering dipengaruhi oleh politik dan hubungan peribadi. Reformasi kawal selia kurang koheren dan mengabaikan kepentingan Kerajaan, sementara anugerah kontrak sering dipengaruhi mereka yang rapat dengan pihak berpengaruh ataupun diberikan terus kepada pihak yang berpengaruh.

Analisis aduan awam yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam menunjukkan tiga kategori utama ketidakpuasan hati terhadap Kementerian Persekutuan bagi tempoh 2019–2023 iaitu penyelewengan dana pelanggan, kegagalan penguatkuasaan, dan ketidakpatuhan prosedur operasi standard (SOP). Tiga isu ini secara keseluruhan mencakup 56% daripada semua aduan yang diterima pada 2019. Pada 2023, aduan mengenai tiga isu ini melonjak kepada 72%.


Kategori Aduan Awam Yang Diterima oleh Biro Pengaduan Awam Terhadap Kementerian Persekutuan (%)



Sumber: Biro Pengaduan Awam (BPA). 2024. Statistik Aduan Awam Kementerian mengikut Kategori

Sektor Pentadbiran, Penguatkuasaan, dan Perolehan adalah sektor yang paling terdedah kepada rasuah. Dari 2019 hingga 2023, 36% daripada maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh SPRM ada kaitan dengan sektor Pentadbiran, diikuti oleh Penguatkuasaan (24%) dan Perolehan (24%). Trend ini hampir menyamai pengamatan yang dibuat sepanjang tempoh sebelumnya 2013 hingga 2018.


Maklumat Rasuah Mengikut Sektor (2013-2023) (%)



Sumber: SPRM. 2024. Statistik Maklumat Rasuah yang diterima oleh SPRM: Keseluruhan maklumat (mengikut sektor rasuah) dari tahun 2013 hingga 2023.

Sepanjang tempoh 2019-2023, dua subsektor yang masih terdedah kepada rasuah adalah Bekalan (13%) dan Tanah (8%). Namun, pada 2023, beberapa subsektor baru muncul menjadi titik panas rasuah berbanding 2019. Subsektor ini merangkumi Perkhidmatan (38%), Perniagaan (11%), dan Kerja dan Gred (6%).


Maklumat Rasuah Mengikut Subsektor Rasuah (2019-2023) (%)



Sumber: SPRM. 2024. Statistik Maklumat Rasuah yang diterima oleh SPRM: Keseluruhan maklumat (mengikut sektor rasuah) dari tahun 2013 hingga 2023.

Amalan rasuah wujud kerana didasari oleh pelbagai faktor. Penyebab utamanya ialah kegagalan pentadbiran, lemahnya kawalan dalaman, tidak mematuhi peraturan, konflik kepentingan, kelemahan agensi penguatkuasa undang-undang, dan langkah-langkah pencegahan rasuah yang tidak memadai. Lima kategori ini secara keseluruhan merangkumi 90% daripada semua aduan yang diterima.


Punca Rasuah Dikenalpasti Melalui Sesi Libat Urus Bersama Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun (%)



Sumber: SPRM, 2024. Aduan diterima oleh SPRM: Sesi libat urus dengan agensi-agensi Kerajaan.

Rasuah berlaku dalam berbagai bentuk, sekali gus mencerminkan cabaran besar kepada masyarakat Malaysia. Persepsi umum percaya bahawa bentuk-bentuk rasuah yang lazim termasuk politik wang (80%), suapan untuk mempercepatkan proses (79%), dan salah guna kuasa (77%). Dapatan ini menunjukkan sifat rasuah yang beragam dan menonjolkan keperluan segera melaksanakan strategi pencegahan rasuah yang menyeluruh bagi membanteras isu-isu yang berterusan ini dengan berkesan.

Persepsi Umum Mengenai Rasuah Mengikut Kegiatan Berbeza (%)



Sumber: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 2024. Pembangunan Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS): Pandangan dan Pengalaman Terhadap Isu Berkaitan Rasuah, Integriti dan Tatakelola di Malaysia: Kaji selidik Nasional, 2023.

* Jawapan boleh lebih daripada satu.




“Rasuah dikenal pasti sebagai salah satu sebab utama yang membantutkan pertumbuhan ekonomi, menghilangkan minat pelaburan asing, meningkatkan kos pentadbiran dan urus niaga, menidakkan rakyat daripada mendapat perkhidmatan, serta mendorong berlakunya ketidakstabilan politik. Rasuah mengakibatkan pembangunan tidak lestari, pencemaran alam sekitar, pengagihan kekayaan tidak seimbang dan ketirisan khazanah negara.”

- DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah, 2022

Pemboleh Daya Rasuah

Dalam kalangan rakyat Malaysia, ada kecenderungan yang membimbangkan tentang usaha untuk ‘menghalalkan’ rasuah. Dikhuatirkan lebih daripada 30% rakyat Malaysia percaya bahawa rasuah sepatutnya dilihat sebagai ganjaran atas usaha, sekali gus menghalalkan penerimaan sogokan. Begitu juga, lebih kurang 30% menganggap rasuah mempunyai kesan kecil ke atas individu dan tidak merugikan. Menariknya juga, 28% percaya rasuah boleh diterima untuk melancarkan urusan sementara 27% membenarkan penerimaan rasuah untuk menyelesaikan hutang. Walaupun majoriti responden menyatakan tidak setuju dengan pandangan sebegini, sebahagian besar masyarakat Malaysia masih percaya bahawa makan suap adalah hal yang boleh diterima dalam keadaan tertentu.

Faktor Mewajarkan Rasuah (%)*



Sumber: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). 2024. Pembangunan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS): Pandangan dan Pengalaman Terhadap Isu Berkaitan Rasuah, Integriti dan Tatakelola di Malaysia: Kaji selidik Nasional. 2023.

* Jawapan boleh lebih daripada satu.

Kerugian akibat Rasuah

Kestabilan Ekonomi untuk Kemakmuran Lebih Sejahtera


Rasuah yang berlaku dalam pelbagai bentuk memberi kesan kepada segenap masyarakat, daripada negara yang paling kaya sampailah kepada yang paling kurang membangun, mencakup negara demokrasi matang mahupun ekonomi yang sedang pesat membangun. Bahananya bukan hanya tanggungan kewangan tetapi meresap hingga ke akar umbi masyarakat serta mengikis asas undang-undang, demokrasi, dan kestabilan negara.

Rasuah yang berleluasa dalam politik dan tatakelola bukan hanya membantutkan pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup, malah turut melebarkan lagi jurang pendapatan, kekayaan, serta mobiliti sosial. Kesannya dialami oleh seluruh masyarakat, misalnya pada peningkatan kos sara hidup, kuasa beli yang mengecil, kuasa yang tidak seimbang, jurang gaji, pertumbuhan yang terbantut, bertambahnya kegiatan jenayah, serta menyebabkan kehilangan nyawa.

Pada skala makroekonomi, kesan buruk rasuah di Malaysia sangatlah besar, yang memuncak dengan kerugian luar biasa berjumlah RM277 bilion dalam nilai keluaran ekonomi dalam tempoh antara 2019 hingga 2023. Sebagai perbandingan, jumlah ini menyamai 28 tahun peruntukan untuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau hampir menyamai KDNK Johor dan Pulau Pinang sekali gus. Menangani rasuah sangat penting bagi menjaga kemakmuran negara dan membina sebuah masyarakat yang adil dan saksama.¹

Meningkatnya hutang awam dan berleluasanya ketirisan akibat salah urus dan rasuah, terutamanya dalam perkhidmatan awam, memerlukan perhatian segera. Ketirisan yang terus berlaku dalam kementerian, jabatan Kerajaan, syarikat berkepentingan Kerajaan, dan badan berkanun perlu segera dibetulkan. Ini mustahak bagi memastikan duit rakyat dimanfaatkan sepenuhnya.

Kerugian KDNK antara 2019-2023 akibat rasuah bersamaan dengan peruntukan Kerajaan untuk STR selama 28 tahun.



Sumber: *New Straits Times*. 2017. Malaysia lost RM47 billion in GDP value to corruption last year - Dr. Wan Azizah; Kementerian Kewangan (MOF). 2024. *Ucapan Belanjawan 2024*.

¹ Anggaran kerugian akibat rasuah diperoleh daripada kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada satu sidang media selepas persidangan Dewan Negara di Bangunan Parlimen. Menurut kenyataannya, pada 2017, Transparency International Malaysia (TI-M) menganggarkan kerugian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dianggarkan RM47 bilion (bersamaan 3.4% daripada KDNK) akibat rasuah. Peratusan ini digunakan sebagai penanda aras untuk menganggarkan kerugian bagi tempoh dari 2019 hingga 2023, dengan tanggapan kesan sama rasuah ke atas KDNK sepanjang tempoh tersebut.

Secara kumulatif, aliran kewangan haram dari 2009 hingga 2018 melebihi jumlah KDNK empat negeri terkaya di Malaysia pada 2022.²



Sumber: Global Financial Integrity 2021, DOSM 2023, KDNK negeri 2022

Sejak tahun 2016, Malaysia secara konsisten berada pada kedudukan antara tiga daripada 43 buah negara terpilih dengan jumlah kekayaan jutawannya yang paling tinggi dikaitkan dengan kapitalisme kroni dan untung atas angin.

Indeks Kapitalisme Kroni (Kekayaan jutawan daripada sektor berkaitan untung atas angin sebagai % kepada KDNK) (Kedudukan negara-negara terpilih)

2016		2021		2023	
No.	Negara	No.	Negara	No.	Negara
1	Rusia	1	Rusia	1	Rusia
2	Malaysia	2	Malaysia	3	Malaysia
4	Singapura	3	Singapura	4	Singapura
6	Mexico	6	Mexico	5	Mexico
7	Indonesia	8	Indonesia	9	Indonesia

Sumber: The Economist. 2023. Indeks Kapitalisme Kroni 2023; The Economist. 2016. Perbandingan kapitalisme kroni di seluruh dunia.

Bukti kesan buruk rasuah kepada kesejahteraan negara ini sangat ketara. Pada 2017, Transparency International Malaysia (TI-M) mendedahkan bahawa Malaysia kerugian sehingga hampir RM46.9 bilion akibat rasuah. Selain itu, laporan Global Financial Integrity (GFI) menunjukkan aliran wang haram yang terkait dengan perdagangan menyebabkan kerugian berjumlah hampir RM1 trilion (USD279 bilion) di antara tahun 2009 dan 2018, yang sebahagian besar dikaitkan dengan amalan rasuah.³

Kerugian itu bersamaan keseluruhan saiz ekonomi Johor, Pulau Pinang, Selangor, dan Kuala Lumpur, iaitu RM971 billion pada 2022.

Malaysia sering disebut sebagai sebuah negara yang jutawannya mendapat untung yang luar biasa hasil pergaulan rapat dengan ahli politik, fenomena yang dikenali sebagai kapitalisme kroni dan untung atas angin. Sejak tahun 2016, Malaysia secara konsisten berada pada kedudukan antara tiga daripada 43 buah negara terpilih dengan jumlah kekayaan jutawannya yang paling tinggi dikaitkan dengan kapitalisme kroni dan untung atas angin. Menangani isu-isu kronisme dan untung atas angin ini sangat penting dalam usaha membentuk sebuah masyarakat yang adil dan saksama.⁴

2 Aliran Kewangan Haram Berkaitan Perdagangan merujuk kepada "salah invoice perdagangan" di mana pengimport dan pengeksport dengan sengaja memalsukan nilai barang yang diisytiharkan pada invoice yang diserahkan kepada pihak berkuasa kastam untuk memindahkan wang secara haram merentasi sempadan antarabangsa, mengelak cukai dan/atau duti kastam, mencuci hasil aktiviti jenayah, memintas kawalan mata wang, dan menyembunyikan keuntungan dalam akaun bank luar pesisir.


3 Pertukaran nilai berdasarkan kadar purata MYR/USD dalam tempoh 2009-2018.

4 Terdapat 10 sektor keuntungan atas angin yang dipertimbangkan dalam indeks: Kasino; Arang batu, minyak sawit dan balak; Pertahanan; Perbankan simpanan dan perbankan pelaburan; Infrastruktur dan saluran paip; Minyak, gas, kimia dan tenaga lain; Pelabuhan, Lapangan terbang; Hartanah dan pembinaan; Keluli, logam lain, perlombongan dan komoditi; Utiliti dan perkhidmatan telekom.

Rakyat Malaysia kluatir akan kesan negatif rasuah kepada ekonomi

Kesan rasuah ke atas ekonomi amat jelas. Hampir 80% daripada rakyat Malaysia yakin rasuah akan mengakibatkan pelabur asing hilang keyakinan untuk melabur, meningkatkan kemiskinan, mengurangkan daya saing, membantutkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kadar pengangguran serta melemahkan mata wang tempatan. Kekluatiran ini bukanlah tidak berasas; ia adalah kebimbangan wajar yang disuarakan oleh rakyat, sekali gus menonjolkan keperluan mendesak untuk menggandakan usaha memerangi rasuah.

Kesan Ekonomi akibat Rasuah (%)*



Sumber: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). 2024. Pembangunan Strategi Pambanterasan Rasuah Nasional (NACS): Pandangan dan Pengalaman Terhadap Isu Berkaitan Rasuah, Integriti dan Tatakelola di Malaysia: Kaji selidik Nasional. 2023.

* Jawapan boleh lebih daripada satu.


Kedaulatan dan Keselamatan Negara

Seiring dengan isu keselamatan di seluruh dunia, Malaysia berhadapan cabaran besar untuk menjaga kepentingan nasionalnya, termasuk antaranya melindungi kedaulatan, integriti wilayah, dan institusi Kerajaan. Dari segi geografi pula, Malaysia berkongsi sempadan darat dan laut dengan negara-negara jiran, sehingga merumitkan dan mencabar strateginya.

Dalam beberapa tahun kebelakangan, kawalan sempadan dan pintu masuk menjadi isu keselamatan yang kritikal, sekali gus menekankan betapa pentingnya langkah penguatkuasaan yang tegas. Aktiviti penyeludupan di sepanjang sempadan dan pintu masuk negara semakin berleluasa menyebabkan kerugian ekonomi yang besar.

Barangan bersubsidi untuk kegunaan domestik dilencongkan secara haram dan dijual pada harga lebih rendah di luar negara, sementara barangan tiruan dan narkotik diseludup ke dalam negara dengan jumlah yang besar.

Kerugian akibat penyeludupan diesel dan barangan lain



Pada tahun 2024, kajian mendapati ketirisan tiga juta liter diesel bernilai RM4.5 juta setiap hari akibat penyeludupan keluar dari Malaysia.¹ Ini bersamaan dengan RM1.6 bilion setiap tahun. Pada tahun 2023, Jabatan Kastam Diraja Malaysia mendedahkan Malaysia kerugian RM2.34 bilion dalam tempoh antara 2019 hingga Jun 2023 akibat penyeludupan rokok, dadah, minuman beralkohol, kenderaan dan mercun.²

Walaupun ada kerangka undang-undang untuk mengawal sempadan dan pintu masuk, penguatkuasaan sempadan yang longgar serta kemungkinan penyelewengan oleh penguatkuasaan dan kakitangan yang dilindungi oleh ahli politik dan segelintir pihak penguasa yang berkuasa, adalah antara punca isu pendatang haram masih berterusan. Tanpa langkah penguatkuasaan yang ketat, Malaysia berisiko terus dibanjiri pendatang haram, sehingga mengancam keselamatan dan kestabilan sosioekonominya.

Cabaran keselamatan ini perlu ditangani secara menyeluruh dengan meningkatkan kawalan sempadan, mengukuhkan mekanisme penguatkuasaan, dan menjalin kerjasama lebih erat dengan negara-negara jiran. Usaha membanteras pendatang haram mesti mengutamakan ketelusan, akauntabiliti, serta mematuhi kerangka perundangan demi melindungi kepentingan negara Malaysia dengan berkesan.

¹ The Star. 2024. Greed fuels subsidized diesel leak. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/28/greed-fuels-subsidised-diesel-leak>.


² New Straits Times. 2023. Smuggling cost us 28 schools. <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/969883/smuggling-cost-us-28-schools-nsttv>.

Masyarakat hilang keyakinan dan hormat terhadap institusi politik

Kesan rasuah terhadap institusi politik dalam negara amat parah. Rakyat Malaysia memandangi isu ini dengan penuh bimbang. Lebih 80% daripada rakyat Malaysia menyatakan mereka hilang percaya dan hormat kepada ahli politik dan pemimpin nasional kerana kesan langsung daripada isu-isu rasuah yang berterusan. Selain itu, 78% daripada rakyat menganggap Kerajaan tidak berintegriti, sementara 77% percaya Kerajaan kurang komited untuk membanteras rasuah, manakala 75% pula melihat Kerajaan menunjukkan tatakelola yang buruk.

Kurangnya kepemimpinan yang serius, pelantikan watak-watak yang mencurigakan ke jawatan utama politik serta komitmen politik yang tidak cukup kuat untuk melaksanakan langkah-langkah pencegahan rasuah atau menghukum mereka yang terlibat dalam amalan rasuah telah menjejaskan keyakinan dan keberkesanan usaha antirasuah setakat ini.

Kesan Rasuah Terhadap Politik (%)*



Sumber: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). 2024. Pembangunan Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS): Pandangan dan Pengalaman Terhadap Isu Berkaitan Rasuah, Integriti dan Tatakelola di Malaysia: Kaji selidik Nasional. 2023.

* Jawapan boleh lebih daripada satu.

A blue-tinted photograph of a crowd of people holding Malaysian flags. The flags are the primary focus, with their distinctive crescent and star symbols and horizontal stripes clearly visible. The background shows a blurred cityscape with buildings. The overall mood is patriotic and celebratory.

Bab 3

**Malaysia Melangkah ke Hadapan:
NACS 2024-2028**





Kerajaan Malaysia memahami kepentingan untuk menangani rasuah secara menyeluruh, serta menyedari kesan buruknya terhadap integriti institusi Kerajaan dan kebajikan rakyat. Dengan iltizam teguh untuk membanteras rasuah, Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) telah menetapkan matlamat nasional bagi mencapai visi menjadi sebuah negara bebas rasuah dan makmur sejajar dengan aspirasi nasional Kerajaan iaitu Membangun Malaysia MADANI.

MADANI bermaksud:

“Maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan Masyarakat, generasi dan sebagainya) usaha untuk membentuk Masyarakat – dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan, manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.”

NACS akan menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan pada tahun 2019. Ini memperlihatkan Malaysia sentiasa konsisten merangka strategi dan tindakan pembanteras rasuah.

Untuk memastikan cakupan Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) yang holistik serta memenuhi aspirasi masyarakat, usaha bersepadu diarahkan untuk meningkatkan ketelusan, mengukuhkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban di semua sektor di Malaysia, membendung salah guna kuasa, menghapuskan campur tangan politik dan mereka yang berpengaruh, membanteras nepotisme dan kronisme, serta mengurangkan penyelewengan serta salah urus.

Semua strategi ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan integriti Kerajaan, sekali gus meningkatkan reputasi dan persepsi Malaysia di mata dunia.

Sumber: Anwar Ibrahim. 2022. Membangun Negara MADANI: Visi dan kerangka dasar reformasi. Muka surat 6. Institut Darul Ehsan (IDE) dan The Centre for Postnormal Policy & Future Studies

Prinsip Umum dan Keutamaan Strategik untuk Malaysia


Melihat pada sifat rasuah yang beragam dan kelazimannya di serata dunia, jelas bahawa rasuah wujud mengikut konteks yang berbeza, tetapi setiap satunya berkongsi ciri-ciri yang sama. Sama ada dalam bentuk sogokan, konflik kepentingan, penyelewengan, salah guna kuasa, menjual nama atau pengaruh, nepotisme, atau kecurangan lain yang seumpamanya, ada persamaan tertentu pada punca-punca serta implikasinya. Bagaimanapun, skala rasuah dan akibatnya jelas berbeza-beza mengikut dimensi masyarakat, ekonomi, dan politik. Dengan memahami faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada contoh-contoh rasuah ini, seperti mengejar kekayaan dan kuasa, lebih mudah untuk mengenali jenis-jenis rasuah, isu-isu integriti, serta cabaran tatakelola. Pemahaman ini membantu untuk mengenal pasti punca rasuah, serta memberi panduan untuk menggubal langkah-langkah sesuai bukan hanya untuk menangani mengapa rasuah berlaku, tetapi juga mencegah daripada berulang.

Dengan pemeriksaan teliti, analisis data yang ketat, penelitian menyeluruh ke atas pengalaman lampau, dan mengumpulkan pandangan daripada pelbagai pihak, kelemahan dapat diatasi secara sistematik. Dengan mensintesis maklumat yang lengkap, Kerajaan dan pemegang taruh yang lain

dapat mengenal pasti bidang-bidang berpotensi yang terdedah kepada rasuah. Proses sebegini penting dalam mengatur strategi pencegahan rasuah yang bersasar, dan melaksanakan langkah pencegahan yang tepat. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang masalah dan akar permasalahannya, suatu strategi yang komprehensif boleh dirancang untuk menangani rasuah hingga ke akar umbinya. Strategi ini merangkumi langkah-langkah yang boleh diambil tindakan oleh pemegang taruh yang berkenaan untuk membanteras rasuah di organisasi masing-masing atau bidang yang terkesan, seperti yang digariskan dalam rangka kerja antirasuah organisasi itu sendiri.

Membanteras rasuah pada peringkat akar umbi adalah mustahak kerana ia merupakan gejala isu-isu sistemik, yang lari daripada norma dan nilai masyarakat. Dengan menangani punca rasuah, norma masyarakat boleh diolah semula ke arah nilai beretika, dan memastikan sistem tatakelola berjalan selari dengan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban.

Prinsip Tatakelola Baik



Prinsip Tatakelola Baik



Ketelusan

Menjunjung prinsip ketelusan demi mengembalikan keyakinan rakyat kepada Kerajaan.



Memperkukuh Akauntabiliti

Memastikan pemimpin sektor awam bertanggungjawab atas setiap keputusan yang dibuat.



Kecekapan

Mengukur pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan yang mempunyai kesan positif dan memanfaatkan sumber secara optimum demi kemajuan negara dan rakyat.




Keberkesanan

Memastikan setiap dasar dan inisiatif yang diputuskan terlaksana selari dengan hasrat tujuannya dan dilaksanakan dengan berkesan melalui pemantauan berkala yang strategik dan sistemik.


Sumber: Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC). 2021. *Petunjuk Tadbir Urus Malaysia 2020*, muka surat 3.

Kerangka Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional




Matlamat Malaysia MADANI

Untuk membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang MAMPAN, SEJAHTERA, BERDAYA CIPTA, saling MENGHORMATI serta bersikap IHSAN berdasarkan KEYAKINAN antara satu sama lain dan KEPERCAYAAN antara Kerajaan dan rakyat atas dasar ketelusan dan kerjasama.



Sasaran

Bagi mencapai Visi dan Misi seperti yang dinyatakan dalam NACS, empat (4) sasaran khusus telah dikenal pasti.



Nota: Petunjuk Governans Sedunia (WGI) menggunakan kedudukan persentil untuk melaporkan prestasi negara dalam tatakelola. Kedudukan persentil dalam kalangan negara berjulat dari 0 (paling rendah) sehingga 100 (paling tinggi). Sebagai contoh, Malaysia mencatatkan kedudukan persentil 62 pada 2022. Ia bermakna Malaysia hanya lebih baik daripada 62% negara lain yang dibandingkan. Penerangan penunjuk 1 hingga 3 WGI adalah seperti berikut:

Kedaulatan Undang-Undang: Mencerminkan persepsi sejauh mana ejen mempunyai keyakinan dan mematuhi peraturan masyarakat, dan terutamanya penguatkuasaan kontrak, hak harta, polis, dan mahkamah, serta kemungkinan jenayah dan keganasan.

Keberkesanan Kerajaan: Mencerminkan persepsi terhadap kualiti pelayanan masyarakat, kualiti perkhidmatan awam dan tahap kebebasannya daripada tekanan politik, kualiti perumusan dasar dan pelaksanaan, serta kewibawaan komitmen Kerajaan terhadap dasar berkenaan.

Cengkaman Rasuah: Mencerminkan persepsi sejauh mana kuasa awam digunakan untuk kepentingan peribadi, termasuk rasuah kecil dan besar, serta "penguasaan" ke atas negara oleh elit dan kepentingan peribadi.

Unjuran yang dibuat menjelang 2028 adalah berdasarkan pola sasaran yang ditetapkan untuk CPI bawah Rancangan Malaysia ke-12 dan Malaysia MADANI.

Sumber:

1 World Bank. 2023. Worldwide Governance Indicators (WGI): Rule of Law. <https://www.worldbank.org/en/publication/worldwide-governance-indicators>

2 World Bank. 2023. Worldwide Governance Indicators (WGI): Government Effectiveness. <https://www.worldbank.org/en/publication/worldwide-governance-indicators>

3 World Bank. 2023. Worldwide Governance Indicators (WGI): Control of Corruption. <https://www.worldbank.org/en/publication/worldwide-governance-indicators>

4 Transparency International (TI) Malaysia. 2024. Corruption Perception Index. <https://www.transparency.org/en/cpi/2023/index/vnm>

Kerajaan teguh beriltizam mahu memupuk tatakelola baik dan membanteras rasuah demi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Dengan menerapkan pendekatan yang berwawasan, Kerajaan komited untuk menegakkan integriti dan memerangi rasuah sehingga Malaysia diiktiraf sebagai contoh tatakelola baik di persada dunia. Pendirian proaktif ini menegaskan kesungguhan Kerajaan untuk memupuk budaya ketelusan, kebertanggungjawaban, dan tingkah laku beretika di semua sektor, sekali gus menetapkan landasan untuk membina sebuah negara yang berdaya tahan dan makmur.

Demi menjayakan usaha murni ini, Kerajaan menggariskan satu strategi menyeluruh yang berpaksi pada prinsip tatakelola baik, mewujudkan institusi yang teguh, serta memastikan integriti dan kebertanggungjawaban dalam sektor perkhidmatan awam. Strategi ini akan menjadi asas kepada usaha Kerajaan untuk membendung rasuah, mencegah konflik kepentingan, mengurangkan ketirisan, menghalang penyelewengan, menyekat salah guna kuasa, memerangi penjualan nama dan pengaruh, dan menghapuskan nepotisme dan kronisme.

Kerajaan juga komited untuk memupuk budaya kebertanggungjawaban dalam kalangan sektor swasta dan komuniti perniagaan. Selain itu, sokongan masyarakat yang kuat serta penyertaan aktif dalam usaha membanteras rasuah juga adalah penting. Ini melibatkan peningkatan kesedaran tentang kesan buruk rasuah, mendidik orang ramai tentang peranan mereka dalam memerangi rasuah, dan memupuk budaya integriti dan akauntabiliti.

Komitmen dan Persepsi Antarabangsa

Rasuah sudah menjadi masalah yang berleluasa di serata dunia. Ia didalangi perbezaan undang-undang antara negara, cara sektor kewangan beroperasi, dan kepesatan perkembangan teknologi. Ia merebak dengan mudah, adakalanya hanya dengan satu klik di hujung jari. Dalam sepuluh tahun terakhir, seiring dengan pertumbuhan ekonomi, rasuah juga meningkat. Ia sering berbaur dengan jenayah lain seperti jenayah terancang, penipuan, keganasan, pengubahan wang haram, dan pemerdagangan orang. Perasuah beroperasi merentas sempadan, sehingga menjejaskan pelbagai urusan perniagaan.

Untuk memerangi rasuah dengan berkesan, usaha-usaha sebelum ini dan keberkesanannya perlu dinilai semula. Mencegah rasuah memerlukan bukan sahaja keazaman politik, kerangka perundangan yang tegas, tatacara yang telus, dan kesedaran masyarakat yang tinggi di setiap bidang, tetapi juga menuntut kolaborasi dan kerjasama antarabangsa. Kaedah baru yang menyeluruh penting untuk membendung gelombang rasuah pada skala global.

Komitmen Kerajaan untuk memerangi rasuah sejajar dengan tanggungjawabnya di bawah undang-undang antarabangsa, khususnya Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC). UNCAC yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung PBB pada Oktober 2003 merupakan satu instrumen antirasuah antarabangsa yang menyeluruh, merangkumi langkah pencegahan dan hukuman. Peruntukan dalam UNCAC menangani rasuah rentas sempadan, pemulihan aset, serta mekanisme untuk kerjasama antara agensi dan antarabangsa. Malaysia meratifikasi konvensyen ini pada 24 September 2008, sekali gus menunjukkan dedikasinya untuk meningkatkan usaha-usaha membanteras rasuah.



UNCAC mewajibkan pengembangan dan pelaksanaan dasar antirasuah yang berkesan dan terselaraskan yang mendorong penglibatan masyarakat serta mencerminkan prinsip kedaulatan undang-undang, integriti, ketelusan, dan keberterangjawaban. Artikel 5 dan 6 UNCAC, yang menekankan kepentingan prinsip-prinsip ini, menuntut Negara Anggota untuk membangun dan melaksanakan atau mengekalkan dasar antirasuah yang diselaraskan yang menjunjung prinsip-prinsip asas ini.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia komited untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta mematuhi prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), dengan Global Compact PBB dan Inisiatif Pelaporan Global (GRI) sebagai dua penyedia rangka kerja terbesarnya. Agenda antirasuah memainkan peranan penting dalam Global Compact PBB, dengan prinsipnya yang menekankan bahawa "perniagaan harus menentang rasuah dalam apa juga bentuk, termasuk pemerasan dan penyuapan"¹.

Entiti yang menyertai Global Compact PBB komited bukan sahaja untuk menghindari amalan rasuah seperti penyuapan dan peras ugut tetapi juga mengembangkan dasar dan program untuk menangani rasuah di syarikat dan seluruh rantaian bekalan. Komitmen ini selari dengan Matlamat 16 SDG, yang menekankan kepentingan menangani rasuah untuk mencapai keamanan, keadilan, dan institusi yang utuh. Tanpa usaha kukuh untuk mengurangkan rasuah, kemajuan menuju prinsip-prinsip SDG dan ESG yang lain mungkin terbantut. Hal ini menunjukkan betapa kritikalnya tindakan antirasuah dalam pembangunan mampan dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

¹ Transparency International. Anti-Corruption in ESG standards. https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/kproducts/Anti-corruption-in-ESG-standards_Final_15.06.2022.pdf

The background of the slide is a repeating pattern of rectangular shapes, each divided into four quadrants by a horizontal and a vertical line. The colors of these shapes vary, ranging from light blue to dark purple, creating a textured, grid-like effect. The text is overlaid on the left side of this pattern.

Bab 4

Strategi Utama



Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional 2024-2028

Strategi 1: Pendidikan

Keterangan: Jangka pendek (1-2 tahun), Jangka sederhana (2-3 tahun), Jangka panjang (4-5 tahun)

No.	Substrategi	Tempoh	Agensi Peneraju	Agensi Penyokong
1	Mempertingkatkan kegiatan mengenai etika, nilai-nilai murni dan antirasuah di prasekolah dengan bantuan institusi latihan perguruan.	Sederhana	Kementerian Pendidikan Malaysia	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
2	Menyemak dan menambah baik elemen etika, nilai-nilai murni dan antirasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah.	Sederhana	Kementerian Pendidikan Malaysia	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
3	Mengukuhkan kegiatan yang bersesuaian dengan umur di sekolah rendah dan menengah yang mengintegrasikan etika, integriti, dan antirasuah.	Sederhana	Kementerian Pendidikan Malaysia	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
4	Mengukuhkan kegiatan ko-kurikulum di sekolah dengan penglibatan individu dan entiti swasta.	Pendek	Kementerian Pendidikan Malaysia	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
5	Memasukkan minggu tema mengenai etika, nilai-nilai murni dan antirasuah dalam kalendar akademik di sekolah.	Pendek	Kementerian Pendidikan Malaysia	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
6	Menambah baik pelaksanaan Kursus Integriti dan Antirasuah di institusi pengajian tinggi.	Sederhana	Kementerian Pendidikan Tinggi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
7	Memperkenalkan pelaksanaan modul atau kursus integriti dan antirasuah kepada pelatih TVET di institusi TVET.	Pendek	Kementerian Sumber Manusia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2. Kementerian Pendidikan Malaysia 3. Kementerian Pendidikan Tinggi 4. Kementerian Belia dan Sukan 5. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 6. Kementerian Pertahanan 7. Kementerian Kerja Raya 8. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya 9. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 10. Kementerian Perladangan dan Komoditi 11. Kementerian Dalam Negeri 12. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Strategi 1: Pendidikan (Sambungan)

No.	Substrategi	Tempoh	Agensi Peneraju	Agensi Penyokong
8	Mewujudkan kesedaran mengenai rasuah dan menggalakkan tingkah laku beretika melalui kerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil untuk mengembangkan bahan pendidikan, membantu pensyarah jemputan, dan kegiatan ko-kurikulum.	Sederhana	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kementerian Pendidikan Malaysia 2. Kementerian Pendidikan Tinggi 3. Institut Integriti Malaysia
9	Mengukuhkan pelaksanaan kegiatan ko-kurikulum mengenai integriti dan pencegahan rasuah di institusi pengajian tinggi dan TVET yang melibatkan individu dan entiti swasta.	Sederhana	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kementerian Sumber Manusia 2. Kementerian Pendidikan Malaysia 3. Kementerian Pendidikan Tinggi 4. Kementerian Belia dan Sukan 5. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 6. Kementerian Pertahanan 7. Kementerian Kerja Raya 8. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya 9. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 10. Kementerian Perladangan dan Komoditi 11. Kementerian Dalam Negeri 12. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
10	Menjamin pelaksanaan MPGIA oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan di peringkat kementerian, jabatan dan agensi.	Pendek	Jabatan Perkhidmatan Awam	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
11	Menjalankan satu kaji selidik mengenai keberkesanan inisiatif integriti dan pendidikan antirasuah di sekolah.	Sederhana	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Kementerian Pendidikan Malaysia
12	Menggalakkan penggunaan platform digital untuk menyemai etika, nilai-nilai murni, integriti dan antirasuah di sekolah.	Sederhana	Kementerian Pendidikan Malaysia	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
13	Mengendalikan kursus integriti dan antirasuah untuk pendidik di institusi pengajian tinggi.	Sederhana	Kementerian Pendidikan Tinggi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam

No.	Substrategi	Tempoh	Agensi Peneraju	Agensi Penyokong
1	Memperkenalkan Akta Perolehan Kerajaan.	Sederhana	Kementerian Kewangan	Jabatan Peguam Negara
2	Meneliti semula persyaratan dalam pelantikan dan pemecatan Ketua Pesuruhjaya SPRM serta penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM.	Panjang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	1. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang 2. Jabatan Peguam Negara
3	Meningkatkan sistem saringan dalam pengambilan kerja penjawat awam.	Sederhana	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia	1. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 3. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia 4. Suruhanjaya Perkhidmatan Polis 5. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
4	Menjalankan kajian kebolehlaksanaan penggubalan Rang Undang-Undang Tatakelola.	Panjang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Jabatan Peguam Negara
5	Mencadangkan pensijilan MS ISO 37001 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) sebagai keperluan syarikat untuk membida kontrak Kerajaan pada nilai perolehan RM10 juta dan ke atas.	Pendek	Kementerian Kewangan	1. Jabatan Standard Malaysia 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
6	Melaksanakan sistem perolehan bersepadu dengan mempertimbangkan teknologi baharu yang menyediakan platform kewangan digital, kecerdasan buatan, perkomputeran awan serta proses hujung ke hujung.	Pendek	Kementerian Kewangan	
7	Memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen.	Pendek	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Parlimen Malaysia
8	Meminda Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347] dengan memasukkan kod etika bagi Ahli Parlimen.	Panjang	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Parlimen Malaysia
9	Menyelaraskan tindakan penguatkuasaan dan kompaun antara agensi maritim di negara bagi memastikan tindakan yang diambil wajar.	Sederhana	Kementerian Pengangkutan	1. Jabatan Laut Malaysia 2. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 3. Pasukan Polis Marin
10	Menetapkan pelaksanaan penggiliran tugas di sektor berisiko tinggi rasuah sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Jabatan.	Sederhana	Jabatan Perkhidmatan Awam	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam (Sambungan)

No.	Substrategi	Tempoh	Agensi Peneraju	Agensi Penyokong
11	Memperkenalkan dokumen identiti tunggal untuk pelajar asing bagi menghindari salah guna kuasa oleh agensi penguatkuasaan.	Pendek	Kementerian Dalam Negeri	Kementerian Pendidikan Tinggi
12	Memperkenalkan mekanisme perisytiharan kepentingan dan hadiah oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.	Sederhana	Parlimen Malaysia	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
13	Memperkenalkan dasar atau garis panduan "tempoh bertenang" bagi pegawai awam dan penjawat awam kanan yang berpindah ke entiti korporat untuk jawatan eksekutif.	Sederhana	Jabatan Perkhidmatan Awam	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
14	Meningkatkan keberkesanan tadbir urus seperti yang dicadangkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara melalui pemantauan berterusan menggunakan Papan Pemuka Ketua Audit Negara (Papan Pemuka AG).	Sederhana	Jabatan Audit Negara	
15	Menggubal Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat untuk orang awam mengakses maklumat Kerajaan.	Pendek	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
16	Memantapkan tatakelola dan fungsi Audit Dalam di Perkhidmatan Awam.	Sederhana	Jabatan Audit Negara	
17	Mewajibkan syarikat untuk mengisytiharkan pemunya benefisial untuk mengambil bahagian dalam perolehan awam.	Sederhana	Kementerian Kewangan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
18	Mewajibkan sektor awam membangunkan langkah pelan pencegahan rasuah organisasi berdasarkan penilaian risiko rasuah dengan bantuan SPRM.	Sederhana	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Institut Integriti Malaysia
19	Menyemak peruntukan berkaitan penggunaan jentera Kerajaan untuk berkempen bagi calon dan parti politik dalam pilihan raya untuk dimasukkan dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].	Panjang	Suruhanjaya Pilihan Raya	

Strategi 3: Suara Rakyat

No.	Substrategi	Tempoh	Agensi Peneraju	Agensi Penyokong
1	Mewujudkan saluran untuk anggota CSO berkongsi pengalaman dalam pencegahan rasuah dengan menerbitkan laporan dan cadangan secara tahunan.	Pendek	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Institut Integriti Malaysia
2	Menjalankan kaji selidik nasional mengenai bidang yang terdedah terhadap rasuah.	Panjang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Institut Integriti Malaysia
3	Menjalankan penilaian tahunan di peringkat nasional untuk mengenal pasti tahap rasuah dalam kalangan rakyat Malaysia.	Panjang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Institut Integriti Malaysia
4	Menganjurkan persidangan tahunan mengenai penyelidikan antirasuah.	Pendek	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Institut Integriti Malaysia
5	Menubuhkan kaukus antirasuah yang terdiri daripada CSO.	Pendek	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Institut Integriti Malaysia
6	Menubuhkan kaukus antirasuah yang terdiri daripada masyarakat peribumi.	Pendek	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
7	Memperkenalkan pelaksanaan pelan integriti dan antirasuah kepada ahli Majlis Keharmonian Antara Agama.	Pendek	Kementerian Perpaduan Nasional	1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
8	Mengukuhkan hubungan dua hala dan pelbagai hala dalam hal ehwal pencegahan rasuah.	Panjang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Kementerian Luar Negeri
9	Menubuhkan kaukus antirasuah yang terdiri daripada dewan-dewan perniagaan.	Pendek	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Institut Integriti Malaysia
10	Memanfaatkan program Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) untuk menggalakkan tatakelola yang baik, integriti dan antirasuah dalam sektor swasta.	Sederhana	Institut Integriti Malaysia	1. Bank Negara Malaysia 2. Suruhanjaya Syarikat Malaysia 3. Suruhanjaya Sekuriti 4. Bursa Malaysia 5. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
11	Memperhebatkan kempen antirasuah kepada kedutaan asing dan dewan perniagaan asing yang ditubuhkan di Malaysia berkaitan dengan salah guna kuasa, salah urus dana awam dan proses undang-undang di Malaysia.	Pendek	Kementerian Luar Negeri Malaysia	1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia
12	Mempertingkatkan tatacara pelaporan SPRM dengan mengemas kini status aduan kepada pengadu.	Sederhana	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	
13	Menganjurkan sesi libat urus dengan penggubal undang-undang di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri secara tahunan.	Pendek	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	1. Parlimen Malaysia 2. Dewan Undangan Negeri

Strategi 4: Penguatkuasaan

No.	Substrategi	Tempoh	Agensi Peneraju	Agensi Penyokong
1	Meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].	Pendek	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Jabatan Peguam Negara
2	Menggunakan peralatan yang dipacu teknologi di pusat tahanan.	Sederhana	Kementerian Dalam Negeri	
3	Memperkenalkan Rang Undang-Undang Pembiayaan Politik.	Panjang	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2. Suruhanjaya Pilihan Raya 3. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
4	Menyemak had perbelanjaan calon pilihan raya.	Panjang	Suruhanjaya Pilihan Raya	Jabatan Peguam Negara
5	Menyemak Bahagian III (Amalan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].	Panjang	Suruhanjaya Pilihan Raya	
6	Memperkenalkan Ombudsman Malaysia untuk menyediakan platform bagi orang ramai menyuarakan aduan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam.	Sederhana	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Jabatan Peguam Negara
7	Mengkaji kebolehlaksanaan pelaksanaan Perjanjian Pendakwaan Tertunda dalam kerangka perundangan Malaysia.	Panjang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Jabatan Peguam Negara
8	Melaksanakan penstriman langsung untuk perbicaraan rasuah di peringkat Mahkamah Rayuan bagi tontonan umum.	Sederhana	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia	
9	Menggubal perundangan bagi mengawal selia pintu masuk bagi menjamin keselamatan sempadan negara.	Sederhana	Kementerian Dalam Negeri	

Strategi 5: Insentif

No.	Substrategi	Tempoh	Agensi Peneraju	Agensi Penyokong
1	Memasukkan rebat cukai bagi individu dan syarikat yang mengambil bahagian dan menyumbang dalam program pencegahan rasuah anjuran pertubuhan masyarakat sivil yang diiktiraf oleh SPRM.	Sederhana	Kementerian Kewangan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
2	Menyemak elaun saksi dalam kes percikaraan rasuah.	Sederhana	Kementerian Kewangan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
3	Menawarkan insentif kepada pemberi maklumat yang mendedahkan sebarang salah laku yang tidak wajar yang membawa kepada pengesanan kes.	Sederhana	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
4	Menyemak semula mekanisme pengurangan cukai bagi mengalakkan penyertaan entiti yang menganjurkan program antirasuah.	Pendek	Kementerian Kewangan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
5	Mengalakkan insentif cukai dalam kalangan syarikat yang mendapat akreditasi ABMS ISO 37001.	Pendek	Kementerian Kewangan	1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2. Jabatan Standard Malaysia
6	Menyediakan insentif kewangan tambahan (ujian budaya) daripada Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) bagi penghasilan kandungan kreatif antirasuah.	Sederhana	Kementerian Komunikasi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia






Bab 5

Pelaksanaan NACS



Struktur Governans Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS)








Pemantauan dan Penilaian NACS

Strategi Pembantaran Rasuah Nasional (NACS) berperanan sebagai rangka kerja dinamik yang disusun oleh semua pihak berkepentingan yang berkaitan untuk membantu pelaksanaan langkah pencegahan rasuah yang berkesan dan menyumbang kepada reformasi strategi antirasuah yang sedang berjalan. Inti daripada kejayaannya adalah pemantauan kemajuan dan hasil yang teliti, yang menegaskan pentingnya untuk menukar pemantauan dan penilaian daripada prinsip teori kepada amalan nyata yang disepadukan dengan pelaksanaan strategi dan pelan tindakan. Daripada sekadar pengesahan dangkal yang hanya terhad pada dokumen bertulis, komitmen untuk memantau dan menilai harus merangkumi segenap aspek pelaksanaan strategi, melibatkan semua pihak berkepentingan yang berkaitan.

Demi memastikan strategi yang digariskan dalam NACS dizahirkan, penting untuk mewujudkan satu mekanisme yang teguh bagi melaksanakan strategi dan pelan tindakan, disokong oleh tatacara pemantauan dan penilaian yang sistematik. Setiap langkah yang diambil mesti selari dengan objektif menyeluruh strategi antirasuah, mendorong ketelusan, kebertanggungjawaban, dan menunjukkan nilai tambah melalui usaha yang diselenggarakan. Pemantauan yang berkesan terhadap prestasi penyelarasan memastikan agensi utama melaksanakan strategi secara cekap dan berkesan, demi memperkukuhkan integriti dan keberkesanan rangka kerja pencegahan rasuah.

Carta Penilaian Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS)



Keperluan Pemantauan dan Penilaian

Pemantauan perkembangan NACS secara menyeluruh adalah amat penting bagi menilai kemajuan dan keberkesanan usaha yang akan dijalankan sepanjang pelaksanaan NACS. Ini termasuk meneliti pelbagai aspek pelaksanaan bagi mengenal pasti potensi halangan dan menilai hasil dan pencapaian. Pemantauan yang berkesan bergantung pada kerjasama yang utuh antara institusi, dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN) yang bertindak sebagai badan penyelarasan dan pemantauan bagi NACS. Usaha bersama semua pihak adalah amat penting bagi menjayakan pambanteras rasuah.

Kejayaan pelaksanaan strategi antirasuah nasional bergantung pada penataan satu mekanisme penyelarasan dan kerjasama yang koheren antara pelbagai jabatan dan agensi yang ditugaskan untuk melaksanakan strategi dan pelan tindakan. Untuk memudahkan ini, SPRM akan mengadakan Mesyuarat Penilaian Prestasi Strategi dua kali setahun. Mesyuarat ini menghimpunkan penggerak utama dari agensi peneraju untuk menyemak kemajuan dan menangani sebarang cabaran semasa pelaksanaan. Pada masa sama, agensi peneraju diminta untuk menyerahkan laporan kemajuan suku tahun menggunakan templat yang ditetapkan bagi memastikan kemas kini rutin mengenai kemajuan pelaksanaan.


Mekanisme Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berperanan sebagai entiti pusat bertanggungjawab untuk memantau, menilai, memandu perbincangan, dan melaporkan pelaksanaan semua strategi dan substrategi. Selaras dengan panduan daripada Dasar Pencegahan Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kegiatan pemantauan penting untuk mengumpulkan maklumat kritikal yang berguna bagi mengatur elemen strategik baharu dan mengikut keperluan. Bagi memudahkan proses ini, SPRM mengadakan Mesyuarat Penilaian Prestasi Strategi, yang menyediakan ruang kepada pihak berkepentingan untuk sama-sama menilai keberkesanan langkah-langkah yang dilaksanakan.

Memahami Pemantauan dan Penilaian

Pengumpulan data yang cermat berfungsi untuk memudahkan keputusan dibuat mengenai pelbagai elemen seperti strategi, peruntukan sumber, aktiviti, output dan keberhasilan. Pemantauan bergantung pada kedua-dua data sedia ada dan data yang baru diperoleh untuk melaporkan maklumat berfakta. Ia berbeza daripada penilaian tetapi berperanan sebagai prasyarat penting untuknya. Memantau data umumnya menjadi asas penilaian, dengan syarat ia sudah dimasukkan dengan teliti dalam proses pemantauan dan penilaian NACS.

Penilaian, sebaliknya, merupakan penaksiran sistematik dan pertimbangan nilai atas kesesuaian, keberkesanan, dan kecekapan sesebuah program, komponen, atau kegiatan. Ia dijalankan dengan tujuan membantu pihak berkepentingan memahami dengan menyeluruh akan program dan hasilnya, termasuk hubungan sebab akibat antara beberapa faktor penentu kejayaan.




Proses Penilaian

Matlamat utama penilaian ialah untuk menentukan keberkesanan dan kepentingan strategi antirasuah, mengenal pasti pendekatan yang berkesan dan ruang yang boleh ditambah baik. Melalui penilaian, strategi untuk meningkatkan keberkesanan dapat diperhalusi dan menangani kekurangan. Setiap strategi yang dilaksanakan oleh agensi peneraju perlu menjalani penilaian menyeluruh demi memastikan kemampanan NACS.

Proses penilaian bertujuan untuk mengumpulkan pandangan analitikal terhadap hasil sebenar strategi dan substrategi yang dilaksanakan. Aspek-aspek utama yang ditangani dalam proses ini adalah seperti berikut:

Gambaran Keseluruhan Proses Penilaian



Tujuan Penilaian

Komponen yang diteliti semasa proses penilaian merangkumi:

1. Tahap pencapaian sasaran dalam Strategi Pemberantasan Rasuah Nasional (NACS), menilai strategi dan substrategi yang dilaksanakan oleh agensi peneraju.
2. Aspek prosedur pelaksanaan NACS, termasuk mekanisme pelaksanaan dan pengawasan yang diguna pakai.

Penilaian Strategi Pemberantasan Rasuah Nasional (NACS) dipandu oleh empat matlamat utama:

a) Meningkatkan Prestasi Agensi Peneraju

Mekanisme penilaian dan maklum balas diatur untuk memudahkan penambahbaikan berterusan dalam kalangan agensi peneraju, membolehkan mereka menyempurnakan strategi dan pendekatannya.

b) Menggalakkan Tatakelola dan Akauntabiliti

Dengan menyediakan dapatan berasaskan bukti mengenai keberkesanan program dan projek, penilaian mendukung tatakelola dan memastikan kebertanggungjawaban dalam kalangan agensi peneraju.

c) Memudahkan Penjanaan Ilmu

Penilaian berusaha untuk menjana pengetahuan dengan menjelaskan strategi yang terbukti berkesan dan mana yang tidak, sekali gus menyumbang kepada pemahaman bersama mengenai usaha mencegah rasuah.

d) Membuat Keputusan Dengan Maklumat

Melalui penyebaran keputusan penilaian, pemegang taruh diberdayakan untuk membuat keputusan yang bermaklumat, memanfaatkan pandangan daripada hasil program dan aktiviti.



Bab 6

Kesimpulan



Malaysia bergelut dengan cabaran besar dalam usahanya mencegah rasuah. Tindakan proaktif Kerajaan yang mengutamakan usaha membanteras rasuah demi kemajuan negara telah menetapkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menggerakkan pembangunan Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) yang merangkumi parameter tatakelola, integriti, dan antirasuah disokong oleh agensi-agensi peneraju pelaksana strategi yang telah dikenalpasti.

NACS menggariskan satu visi tindakan jangka panjang memerangi rasuah, bertujuan membebaskan negara daripada kanser yang meresap di seluruh lapisan masyarakat dan institusi. NACS menggariskan lima strategi yang jelas dan 60 substrategi yang memerlukan kerjasama merentas pelbagai sektor. Kerajaan menjamin untuk memperuntukkan sumber yang cukup untuk memudahkan pelaksanaan substrategi-substrategi yang telah digariskan.

Demi memastikan keberkesanan pelaksanaan NACS, satu mekanisme pemantauan dan penilaian yang menyeluruh akan dilaksanakan untuk meneliti prestasi dan kemajuan semua strategi. Selain itu, semua pihak perlu berganding bahu bagi menangani isu-isu tatakelola dalaman dan pada masa sama, mencapai matlamat yang ditetapkan dalam NACS.

Kegagalan untuk mendapatkan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan boleh menghambat kemajuan usaha ini dan mencalarakan reputasi Malaysia sehingga menjejaskan kemakmuran masa depan rakyat dan negara.

Akhir sekali, dan yang paling penting, terdapat tiga prasyarat utama untuk memastikan kejayaan pelaksanaan NACS sepanjang tempoh 2024-2028:

1. Iltizam politik

Keberkesanan strategi ini sangat bergantung pada sejauh mana terpeliharanya iltizam politik yang teguh untuk memerangi rasuah. Iltizam ini adalah amat penting untuk diambil serius oleh pemimpin utama termasuklah Perdana Menteri, Ahli Parlimen, raja-raja, pemimpin masyarakat, sampailah kepada tokoh agama. Namun, tindakan lebih bermakna daripada hanya kata-kata. Kepimpinan yang tekak di semua peringkat, menyedari betapa parahnya rasuah dan kesannya, sangat mustahak. Tiadanya keazaman politik hanya akan memanjangkan amalan rasuah yang sistemik, seperti yang berlaku di banyak negara.¹

Para pemimpin harus memberi teladan yang baik, menunjukkan kesungguhan dan memiliki wewenang untuk mendukung ketelusan dan kebertanggungjawaban. Selain itu, Kerajaan harus secara konsisten mengenakan hukuman kepada individu yang korup tanpa mengira latar belakang ataupun posisi, menuntut semula harta yang diperoleh secara tidak sah, memastikan pendakwaan dilakukan segera tanpa pilih kasih dan kepentingan politik, dan menghindari pendakwaan terpilih dalam apa juga keadaan.

2. Institusi yang teguh

Kejayaan memerangi rasuah bergantung pada adanya institusi yang berani, kuat, telus, berkesan, dan bertanggungjawab di semua peringkat, yang menjunjung kedaulatan undang-undang tanpa dibayangi atau dipengaruhi oleh kepentingan politik ataupun mereka yang berkepentingan. Ini bermula dengan menegakkan perlembagaan dan menjaga serta memelihara kebebasan tiga cabang pemerintah iaitu eksekutif, legislatif, dan kehakiman. Institusi awam haruslah mempunyai autonomi, diberikan peruntukan dan latihan yang mencukupi dari segala sudut, demi memerangi rasuah dengan berkesan.

Sumber:

¹ Khan, M. (2006). Corruption and governance. https://eprints.soas.ac.uk/9849/1/Corruption_in_Jomo_and_Fine.pdf.

3. Dasar yang inklusif dan bertanggung-jawab

Strategi pencegahan rasuah mesti lebih daripada sekadar bergantung pada rangka kerja ketelusan dan kebertanggungjawaban. Strategi yang diguna pakai seharusnya berintegrasi secara lancar dengan semua dasar, program, dan institusi yang berkenaan. Dasar yang berkesan harus memberi kuasa kepada semua pihak berkepentingan yang mempunyai wewenang dan kemampuan untuk melaksanakan peraturan, yang pada akhirnya akan memuncak dengan kejayaan mekanisme ketelusan dan kebertanggungjawaban.²

Untuk memerangi rasuah dengan berkesan dan mengangkat martabat masyarakat memerlukan suatu pendekatan menyeluruh dan holistik yang mencakup seluruh negara. Strategi ini seharusnya dimulakan secara serentak dan mengutamakan peningkatan akses kepada perlindungan sosial (termasuk penjagaan kesihatan, pendidikan, dan program kebajikan sosial), menyediakan peluang ekonomi alternatif (seperti latihan kemahiran, inisiatif penciptaan peluang kerja, dan sokongan keusahawanan) bagi memperkasakan rakyat Malaysia untuk menolak amalan rasuah.

Selain itu, adalah penting untuk segera mengatasi dan menangani kesan negatif rasuah seperti kemiskinan, ketaksamaan, serta kurangnya akses kepada perkhidmatan asas. Pendekatan menyeluruh dapat membantu memahami hubungan rumit antara rasuah dan ketidakadilan sosial, yang bertujuan untuk mendorong pembangunan yang menyeluruh dan memperkukuhkan kestabilan masyarakat.

Sumber:

2 Khan, M., & Roy, P. (2022). Making anti-corruption real: using a 'Power Capabilities and Interest Approach' to stop wasting money and start making progress. <https://eprints.soas.ac.uk/37906/1/ACE-SynthesisPaper001-MakingAntiCorruptionReal-1.pdf>.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penyediaan dokumen Strategi Pemberantasan Rasuah (NACS) 2024-2028.

Lampiran 1

Inisiatif NACP Yang Tidak Dapat Disempurnakan Setakat Disember 2023

Inisiatif Yang Tidak Dapat Disempurnakan setakat Disember 2023: 26 Inisiatif

No.	No. Inisiatif	Inisiatif	Status
1	5.2.1	Menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat di semua pusat tahanan.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 4 substrategi 2.
2	5.2.2	Menambahbaik sistem pengurusan pekerja asing berpusat dengan cara memperkemis dan menyepadukan sistem permohonan pekerja asing atas talian sedia ada.	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.
3	5.2.3	Menggunakan teknologi digital untuk memantau aktiviti haram dan tidak sah seperti pendatang asing tanpa izin, penyeludupan dan aktiviti haram lain di semua pusat kawalan sempadan dan pintu masuk negara.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 4 substrategi 9.
4	5.2.4	Mewujudkan sistem pangkalan data yang bersepadu untuk pendaftaran masuk dan keluar imigran dari Malaysia.	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.
5	4.1.2	Memastikan pengasingan kuasa yang jelas dan memartabatkan keadilan, iaitu kuasa Pendakwa Raya hendaklah diasingkan daripada kuasa Peguam Negara. 1. Peguam Negara: Peguam Negara tidak melaksanakan sebarang kuasa dan tanggungjawab dalam hal ehwal pendakwaan. 2. Pendakwa Raya: Pendakwa Raya mengambil alih tugas dan kuasa pendakwaan daripada Peguam Negara.	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.

Inisiatif Yang Tidak Dapat Disempurnakan setakat Disember 2023: 26 Inisiatif (Sambungan)


No.	No. Inisiatif	Inisiatif	Status
6	1.1.1	Melaksanakan kajian ke atas kesesuaian penggunaan dan pelaksanaan sistem pilihan raya elektronik.	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.
7	1.1.2	Mengkaji semula jumlah perbelanjaan pilihan raya yang dibenarkan bagi setiap kawasan pilihan raya; pihak yang dibenarkan untuk menerima dan membuat perbelanjaan; mentafsir dengan lebih jelas definisi perbelanjaan pilihan raya.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 4 substrategi 4.
8	1.1.3	Membentuk proses penentuan persempadanan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang telus.	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.
9	1.1.4	Mengkaji semula dan memperkasakan Bahagian III (Perbuatan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 4 substrategi 5.
10	1.1.5	Memasukkan peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan penggunaan aset dan jentera Kerajaan untuk mempromosi calon yang bertanding dalam pilihan raya atau parti politik di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 19.
11	1.2.1	Menguatkan kebebasan Jabatan Audit Negara dan memberi autonomi yang lebih luas dengan meletakkannya di bawah Parlimen.	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.
12	2.3.1	Memperkasakan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pindaan perundangan berkaitan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.
13	3.4.1	Memperkenalkan perundangan berkaitan perolehan awam dalam mengawal selia aktiviti perolehan, menambahbaik penggunaan sumber secara cekap, menjaga kepentingan negara dan melindungi hak-hak pihak yang terikat dengan kontrak.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 1.
14	3.1.5	Mewujudkan garis panduan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pelaksanaan kuasa-kuasa Menteri yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang khususnya dalam perolehan dan sistem kewangan.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 1.
15	3.2.2	Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuas hati.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 1.

Inisiatif Yang Tidak Dapat Disempurnakan setakat Disember 2023: 26 Inisiatif (Sambungan)

No.	No. Inisiatif	Inisiatif	Status
16	3.2.5	Memperkenalkan sistem eWorks dalam memantau pengurusan projek, kelulusan projek dan analisis nilai.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 1.
17	3.2.6	Meningkatkan sistem perolehan berasaskan teknologi (e-perolehan) bagi mengurangkan campur tangan manusia.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 1.
18	3.2.11	Mewajibkan pengisytiharan pemunya benefisial oleh semua petender/ syarikat yang menyertai perolehan Kerajaan berdasarkan garis panduan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 1.
19	3.2.4	Penambahbaikan dalam peraturan dan pemantauan isu salah laku dalam pengurusan projek oleh Kontraktor dan Perunding Profesional Teknikal (Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan).	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.
20	1.2.4	Mentransformasi Biro Pengaduan Awam kepada Ombudsman Malaysia.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 4 substrategi 6.
21	3.2.3	Memperkasakan peranan pegawai daripada Unit Integriti (UI) dan Unit Audit Dalam (UAD) sebagai mekanisme semak dan imbang dalam urusan perolehan Kerajaan.	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.
22	5.3.2	Memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 2.
23	5.4.1	Memasukkan peruntukan baharu dalam undang-undang sedia ada berkaitan salah laku penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dan kerugian dana Kerajaan secara sengaja.	Dimasukkan dalam NACS 2024-2028 bawah Strategi 2 substrategi 1.
24	5.4.2	Memasukkan peruntukan baharu dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694] berkaitan kesalahan oleh organisasi komersial atau seseorang individu dalam penjualan projek/tender Kerajaan kepada pihak lain untuk faedah kewangan tanpa melaksanakan projek/tender tersebut; peruntukan ini hendaklah juga mewajibkan mana- mana individu yang mendapat faedah daripada penjualan projek/tender untuk mendedahkan pemilikan benefisiarinya.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 1 dan 17.

Inisiatif Yang Tidak Dapat Disempurnakan setakat Disember 2023: 26 Inisiatif (Sambungan)

<i>No.</i>	<i>No. Inisiatif</i>	<i>Inisiatif</i>	<i>Status</i>
25	6.3.2	Mengkaji mekanisme pelaksanaan pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001 ke atas syarikat yang menyertai perolehan Kerajaan.	Dimasukkan dalam NACS bawah Strategi 2 substrategi 5.
26	1.3.1	Mengeluarkan garis panduan sebagai mekanisme memudah cara anggota pentadbiran dalam menguruskan permohonan sokongan.	Diteruskan pelaksanaan dalam mesyuarat jawatankuasa Kerajaan yang lain di peringkat kebangsaan.





ISBN 978-967-16651-2-1

